

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

3755/1

PERDAGANGAN

Kertas 1

Nov./Dis.

$1\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*


Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1 Apakah pekerjaan yang terlibat dalam industri ekstraktif?

- A Pemandu lori
- B Pereka fesyen
- C Penoreh getah
- D Pemandan rambut

2 Rajah 1 menunjukkan cabang pengeluaran.




Rajah 1


Situasi manakah yang mewakili Y?

- A Guru mengajar di sekolah
- B Nelayan menangkap ikan di laut
- C Pemborong menyimpan barang di gudang
- D Buruh memproses bahan mentah di kilang

3 Gambar di bawah berkaitan dengan aktiviti untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.



P



Q



R

Apakah aktiviti yang diwakili oleh P, Q dan R?

	P	Q	R
A	Pengeluaran	Perniagaan	Perdagangan
B	Perniagaan	Pengagihan	Perdagangan
C	Pengeluaran	Perdagangan	Perniagaan
D	Perdagangan	Pengeluaran	Perniagaan

- 4 Apakah maksud perdagangan?
- A Mengagihkan barang daripada pengeluar asal kepada pengguna akhir
 - B Menjual dan membeli barang untuk mendapatkan keuntungan
 - C Memproses bahan mentah bagi menghasilkan barang siap
 - D Mengeluarkan barangan mengikut keperluan pasaran
- 5 Situasi di bawah berkaitan dengan jenis bantuan perniagaan yang digunakan oleh Encik Tarmizi.

Encik Tarmizi menggunakan pinjaman sebanyak RM100 000 untuk mengubah suai premis perniagaannya supaya mempunyai ruang yang luas. Dia juga membeli sebuah van bagi mengelakkan risiko kelewatan penghantaran barang.

Apakah jenis bantuan perniagaan yang terlibat?

- I Insurans
 - II Pergudangan
 - III Pengangkutan
 - IV Perbankan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 6 Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri sejenis perniagaan runcit.

- Mempunyai cawangan di seluruh negara
- Harga di semua cawangan adalah sama
- Kawalan dibuat oleh pihak ibu pejabat

Apakah jenis perniagaan runcit tersebut?

- A Pasar raya
- B Pesanan mel
- C Kedai sejaras
- D Kedai khusus


7 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis pemborong.

- Membekalkan roti ke Kedai D'mat
- Membayar komisen atas roti yang dijual

Apakah jenis pemborong tersebut?

- A Pemborong am
- B Pemborong khusus
- C Pemborong jobber para
- D Pemborong pesanan mel

8 Rajah 2 berkaitan dengan peruncit berkedai.



Rajah 2

Apakah X dan Y?


	X	Y
A	Kedai katalog	Kedai khusus
B	Kedai am	Kedai sejaras
C	Kedai sejaras	Kedai katalog
D	Kedai am	Kedai khusus

- 9 Maklumat di bawah berkaitan dengan sebut harga yang diterima oleh seorang pembeli.

Harga seunit barang	– RM2.00
Kuantiti barang dibeli	– 1 000 unit
Diskaun tunai	– 5 % 10 hari
	– 2 % 15 hari

Berapakah yang perlu dibayar oleh pembeli jika menjelaskan bayaran dalam tempoh 12 hari?

- A RM2 000
 B RM1 960
 C RM1 900
 D RM1 860
- 10 Rajah 3 berkaitan dengan jenis pemborong berfungsi terhad.



Rajah 3

Apakah ciri Q?

- A Memperagakan barang di atas rak
 B Menjalankan urus niaga melalui pos
 C Menyediakan kemudahan menghantar barang
 D Menyampaikan pesanan pembeli terus kepada pengeluar

11 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis kaedah jualan kredit.

Harga perabot jati	RM12 000
Pendahuluan	RM2 000
Kadar faedah setahun	10%
Tempoh pembayaran	Satu tahun

Berapakah jumlah hutang yang perlu dijelaskan?

- A RM9 000
- B RM10 800
- C RM11 000
- D RM13 200

12 Gambar 1 menunjukkan sejenis kaedah jualan.



Gambar 1

Apakah jenis kaedah jualan tersebut?

- A Jualan tunai
- B Jualan kredit
- C Jualan prabayar
- D Jualan konsainan

13 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengeluar?

- I Meluaskan pasaran
 - II Menggalakkan pertukaran teknologi
 - III Mewujudkan peluang pekerjaan
 - IV Meningkatkan pertukaran asing
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14 Bagaimanakah perniagaan antarabangsa dapat membantu meningkatkan pendapatan negara?

- I Pembayaran cukai kastam
- II Peningkatan kemasukan mata wang asing
- III Perkongsian kepakaran antarabangsa
- IV Penjimatan kos pengeluaran
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Maklumat di bawah berkaitan dengan sebahagian eksport sebuah negara.

Butiran Eksport	Jumlah (RM Juta)
Pelancongan	2.2
Getah	4.3
Pendidikan	3.5
Barangan elektrik	4.1
Hiburan	0.9

Berapakah nilai eksport nyata bagi negara tersebut?

- A RM1.8 juta
- B RM6.6 juta
- C RM8.4 juta
- D RM15.0 juta

16 Pasangan manakah yang betul tentang definisi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)?

	Jualan Tahunan	Bilangan Pekerja
A	Melebihi RM25 juta	Melebihi 150 orang
B	Tidak melebihi RM25 juta	Tidak melebihi 150 orang
C	Melebihi RM150 juta	Melebihi 25 orang
D	Tidak melebihi RM150 juta	Tidak melebihi 25 orang

17 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu cara memulakan perniagaan.

Syarikat Alifah Construction Sendirian Berhad telah membeli Syarikat Teh Azira Sendirian Berhad dengan nilai RM5 juta.

Apakah cara tersebut?

- A Francais
- B Diundang
- C Mengambil alih
- D Memulakan sendiri

18 Apakah dokumen yang dikeluarkan oleh syarikat awam berhad untuk menjemput orang ramai membeli syernya?

- A Prospektus
- B Tataurus syarikat
- C Perakuan pematuhan
- D Sijil perakuan pendaftaran

19 Perbezaan manakah yang betul antara pelabur dengan spekulator?

	Pelabur	Spekulator
A	Berani mengambil risiko	Berhati-hati mengambil risiko
B	Bertindak secara rasional	Bertindak berdasarkan khabar angin
C	Pulangan jangka pendek	Pulangan jangka panjang
D	Keuntungan modal	Keuntungan modal dan pendapatan semasa

20 Maklumat di bawah berkaitan dengan pelaburan yang dibuat oleh Puan Rahmah.

Puan Rahmah telah membeli sebuah rumah pada harga RM100 000. Rumah itu telah disewakan pada harga RM800 sebulan selama lima tahun.

Berapakah pendapatan semasa yang diterima oleh beliau?

- A RM4 000
- B RM48 000
- C RM104 000
- D RM148 000

21 Apakah yang membezakan cek berpaling khas daripada cek berpaling am?

- A Diberikan jaminan bayaran oleh bank
- B Dilayan pada satu tarikh yang akan datang
- C Boleh dimasukkan ke dalam bank yang ditetapkan
- D Terdapat dua garis selari yang merentasi muka cek

22 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis bank.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Perkhidmatan kepada syarikat besar sahaja• Memberi pinjaman jangka panjang |
|---|

Apakah jenis bank tersebut?

- A Bank perdagangan
- B Bank saudagar
- C Bank koperasi
- D Bank pusat

23 Mengapakah cek digunakan dalam urus niaga seharian?

- A Diperakui sebagai wang sah
- B Dijamin laku sepanjang masa
- C Diterima sebagai bukti pembayaran
- D Dijadikan alat pembayaran bagi sebarang urusan kewangan

24 Antara yang berikut, yang manakah kelebihan memperoleh jentera melalui skim pajakan?

- I Digunakan tanpa mengeluarkan modal yang tinggi
 - II Dapat menjana sumber pendapatan
 - III Dimiliki selepas tamat tempoh pajakan
 - IV Dibaiki oleh penyewanya jika rosak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

25 Bagaimanakah syarikat insurans membantu peniaga?

- A Mengukuhkan kedudukan kewangan
- B Menyediakan kemudahan pembayaran
- C Membayar ganti rugi selepas risiko berlaku
- D Menjamin perniagaannya selamat daripada risiko

26 Situasi di bawah menunjukkan keadaan di mana prinsip insurans tidak diamalkan.

Puan Fatimah telah menginsuranskan kedainya daripada risiko kebakaran. Dalam kejadian banjir kilat yang lalu, kedainya telah mengalami kerosakan. Beliau telah membuat tuntutan, tetapi ditolak insurer.

Apakah prinsip insurans tersebut?

- A Doktrin sebab hampiran
- B Penuh percaya mutlak
- C Sumbangan
- D Subrogasi

27 Situasi di bawah berkaitan dengan sejenis insurans.

Encik Robin merupakan pemilik taman tema terbesar di Terengganu. Beliau telah mengambil polisi insurans liabiliti am.

Apakah yang boleh dilindungi oleh jenis insurans tersebut?

- A Pelanggan yang terjatuh semasa bermain “roller coaster”
- B Pembekal yang rasa teraniaya kerana hutangnya tidak dibayar
- C Pekerja terkena renjatan elektrik semasa membaiki buaian gantung
- D Pelanggan yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan

28 Apakah peranan Jabatan Penerbangan Awam (DCA)?

- I Menyediakan bantuan penerbangan dan kawalan trafik udara
 - II Meluaskan skop perkhidmatan dengan menambah bilangan penerbangan
 - III Menyediakan kapal terbang termoden untuk memastikan perkhidmatan selamat
 - IV Mengadakan perjanjian penerbangan dan hak pendaratan dengan negara luar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 29 Mengapakah pengeksport buah mangga memilih kapal terbang untuk menghantar buah mangganya ke Jepun?
- A Ruang muatan luas
 - B Sifat barang cepat rosak
 - C Jadual perjalanan fleksibel
 - D Dokumentasi yang mudah
- 30 Pernyataan manakah yang merupakan kelebihan perkhidmatan panggilan tanpa tol?
- A Maklumat grafik boleh diterima oleh penerima panggilan
 - B Perbincangan tiga pihak boleh dilakukan oleh pemanggil
 - C Bayaran panggilan berdasarkan kadar panggilan tempatan
 - D Caj perkhidmatan di bawah tanggungan syarikat yang melanggan
- 31 Maklumat di bawah berkaitan dengan sejenis perkhidmatan Pos Malaysia Berhad.

Koperasi Bersatu Berhad hendak mengirimkan surat panggilan mesyuarat kepada semua ahli di seluruh negara. Pihak koperasi mahu menjimatkan masa untuk melekatkan setem pada surat yang banyak.

Apakah jenis perkhidmatan tersebut?

- A Frangki
 - B Mel berinsurans
 - C Tiket serahan tingkap
 - D Khidmat beg berkunci
- 32 Bagaimanakah telefaks dapat membantu sebuah syarikat perumahan?
- A Mencari alamat pembekal simen
 - B Menghantar pelan rumah kepada pelanggan
 - C Membuat panggilan jarak jauh kepada peguam syarikat
 - D Mengadakan perbincangan dengan arkitek di luar pejabat

- 33 Sebuah gudang menggunakan komputer untuk memastikan barang keluar dan masuk dari gudang dicatat dan dikawal selia dengan baik.

Apakah ciri gudang tersebut?

- A Kesesuaian gudang
- B Kawalan keselamatan
- C Peralatan yang canggih
- D Perekodan yang teratur

- 34 Situasi di bawah berkaitan dengan sejenis gudang peruncit.

Syarikat R&W memiliki cawangan pasar raya di Ipoh, Seremban dan Klang. Segala bekalan untuk pasar raya berkenaan diperoleh daripada gudang di Shah Alam.

Bagaimanakah gudang tersebut membantu Syarikat R&W?

- I Menyalurkan maklumat pasaran dari Shah Alam
 - II Memastikan semua cawangan mengadakan promosi
 - III Menyelaraskan bekalan di Ipoh, Seremban dan Klang
 - IV Mengagihkan barang dari Shah Alam ke cawangannya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 35 Encik Malik baru membuka sebuah perniagaan percetakan. Dia memperkenalkan perniagaannya dengan mengedarkan maklumat kepada kenalan dan rakan-rakannya.
- Apakah media pengiklanan yang digunakan?
- A Poster
 - B Surat khabar
 - C Kad perniagaan
 - D Halaman kuning

- 36 Apakah tujuan logo Institut Piawaian dan Penyelidikan Malaysia Berhad (SIRIM) dicetak pada barang?
- A Menandakan barang kawalan harga
 - B Melabelkan barang buatan Malaysia
 - C Menunjukkan barang keluaran agensi tersebut
 - D Memastikan mutu barang menepati tahap yang ditetapkan
- 37 Bagaimanakah pengilang baharu boleh mendapatkan taraf perintis daripada kerajaan?
- A Menyediakan kemudahan awam
 - B Menghasilkan pengeluaran makanan
 - C Membuat penyelidikan pasaran eksport
 - D Mengeluarkan barang yang dipromosikan oleh kerajaan
- 38 Maklumat di bawah menunjukkan prinsip yang diamalkan oleh pengguna yang membeli dengan bijak.

- Membuat perbandingan harga
- Membeli barangan elektrik yang mempunyai jaminan jualan
- Membaca tarikh luput barang makanan yang dibeli

Apakah prinsip tersebut?

- A Menentukan jenis barangan yang hendak dibeli
 - B Menentukan sebab dan rasional pembelian
 - C Mengetahui teknik membeli
 - D Mengetahui masa membeli
- 39 Kedai runcit Angah menjual barang mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan.
- Apakah aspek yang telah dipatuhi oleh peruncit tersebut?
- A Kualiti
 - B Ganti rugi
 - C Persaingan
 - D Kepentingan ekonomi

Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 40 I Rakan kongsi lelap menyumbang modal perniagaan tetapi tidak mengurus perniagaan perkongsian.
- II Rakan kongsi nominal tidak menyumbang modal tetapi membenarkan namanya sebagai pemilik perkongsian.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2013

3755/2

PERDAGANGAN

Kertas 2

Nov./Dis.

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.


[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[75 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan kehendak dua individu.



Gambar 1

Mengapakah kehendak mereka berbeza?

[6 markah]

- (b) Terangkan **tiga** jenis nilai faedah dalam pengeluaran.

[6 markah]

- (c) Penyata aliran tunai di bawah berkaitan dengan D'Peez Industries, di Bukit Merah yang dimiliki oleh Encik Hilal.

D'Peez Industries
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2014

Butir	Januari	Februari	Mac
	RM	RM	RM
Baki awal	30 000	32 500	31 300
PENERIMAAN			
Hasil jualan Arowana:			
<i>Super red</i>	15 000	19 000	22 000
<i>Yellow tail</i>	4 000	9 000	13 000
<i>Golden</i>	–	–	8 000
<i>Goldy red</i> (Baka baharu)	–	–	12 000
Jumlah penerimaan	19 000	28 000	55 000
PEMBAYARAN			
Anak ikan	6 500	10 000	11 000
Makanan ikan	2 000	5 000	6 000
Gaji dan upah pekerja	1 500	2 500	2 500
Tangki kaca fiber	–	1 000	2 000
Selenggaraan tangki	1 300	3 000	3 000
Veterinar	2 000	2 000	2 500
Sumbangan / derma	500	700	1 000
Pelbagai	2 700	5 000	8 500
Jumlah pembayaran	16 500	29 200	36 500
Lebihan / (kurangan)	2 500	(1 200)	18 500
Baki akhir	32 500	31 300	49 800

- (i) Jelaskan jenis industri yang dilakukan oleh D'Peez Industries. [3 markah]
- (ii) Terangkan **dua** jenis pengkhususan yang terlibat di 1(c)(i). [4 markah]
- (iii) Adakah Encik Hilal seorang usahawan?
Beri **lima** alasan. [6 markah]

- 2 (a) Maklumat di bawah menunjukkan kesilapan catatan dalam dokumen perniagaan.

NOTA SERAHAN		
MaxProfit Sdn. Bhd. 181, Jalan Murai 8 50000 Kuala Lumpur		
Kepada: Kedai Maju Selalu A2, Kedai MARA 40400 Klang		
		17/8/2013
No. Ruj.	Butiran	Kuantiti (unit)
BCK01	Beras Cap Kapal	25
BCL03	Beras Cap Layar	30
Diakui barang-barang tersebut diterima dalam keadaan baik.		
		Penerima
Yang benar,	<i>Moon</i>
<i>Mat Jusuh</i>	Tarikh	18/8/2013

Dokumen X

INVOIS				
MaxProfit Sdn. Bhd. 181, Jalan Murai 8 50000 Kuala Lumpur				
Kepada: Kedai Maju Selalu A2, Kedai MARA 40400 Klang				
			No. Invois: I812/55	
			Tarikh: 21/8/2013	
No. Ruj.	Butiran	Kuantiti (unit)	Harga (RM)	Jumlah (RM)
BCK01	Beras Cap Kapal	30	25.00	750.00
BCL03	Beras Cap Layar	30	30.00	900.00
JUMLAH				1 650.00
Ringgit Malaysia: Seribu enam ratus dan lima puluh sahaja.				
Syarat: Angkutan dibayar				
5%, 7 hari				
2%, 10 hari				
				<i>Mat Jusuh</i> Pengurus Jualan

Dokumen Y

- (i) Apakah kesilapan yang dilakukan oleh MaxProfit Sdn. Bhd.? [1 markah]
- (ii) Nyatakan dokumen yang perlu dikeluarkan oleh MaxProfit Sdn. Bhd. untuk membetulkan kesilapan di 2(a)(i). [1 markah]
- (iii) Hitung jumlah yang perlu dibayar oleh Kedai Maju Selalu jika pembayaran dibuat pada 27 Ogos 2013 dan selepas dokumen di 2(a)(ii) dikeluarkan. [4 markah]
- (iv) Jelaskan **tiga** sebab Dokumen X dikeluarkan. [3 markah]

(b) Gambar 2 berkaitan dengan sejenis perniagaan runcit kecil-kecilan.



Gambar 2

- (i) Kenal pasti jenis perniagaan runcit kecil-kecilan tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan **lima** ciri jenis perniagaan di 2(b)(i). [5 markah]
- (c) Terangkan **tiga** sebab perniagaan antarabangsa wujud. [6 markah]
- (d) Syarikat Tiger Fertilizer menghasilkan baja nitrogen untuk pasaran antarabangsa. Pihak syarikat berusaha untuk menembusi pasaran baharu di Afrika Selatan dan berjaya menerima tempahan 100 000 tan baja daripada Springbok Private Limited. Namun begitu syarikat menghadapi kesukaran untuk menguruskan dokumentasi eksport ke Afrika Selatan. Springbok Private Limited mendesak untuk membatalkan tempahan sekiranya barang lambat diterima. Syarikat masih mempertimbangkan untuk meneruskan atau membatalkan urus niaga tersebut.
- Nyatakan **empat** masalah lain yang mungkin dihadapi oleh Syarikat Tiger Fertilizer jika meneruskan urus niaga tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 3 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang boleh diceburi oleh Encik Asif.

Encik Asif berminat menjadi pengusaha IKS setelah mendapati banyak bantuan boleh diperoleh terutamanya dari segi latihan dan sokongan kewangan. Tambahan pula, beliau baru sahaja mewarisi sebidang tanah di Pulau Pangkor yang terkenal dengan aktiviti pelancongan dan perikanan.

- (i) Nyatakan bidang kegiatan IKS yang boleh dijalankan oleh Encik Asif di pulau tersebut. [1 markah]
- (ii) Beri **empat** alasan bagi menyokong bidang kegiatan IKS di 3(a)(i). [4 markah]
- (b) Terangkan **tiga** kepentingan IKS kepada negara. [6 markah]
- (c) Gambar 3 menunjukkan perbualan berkaitan dengan faktor-faktor yang dipertimbangkan apabila memulakan perniagaan.



Gambar 3

Jelaskan **empat** faktor lain yang dimaksudkan oleh Mat.

[4 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan pelaburan yang dibuat oleh Afif.

Butiran \ Jenis	Pangsapuri	Saham keutamaan
Bilangan	1 unit	30 000 unit
Harga beli	RM70 000	RM2.50 sesaham
Harga semasa	RM90 000	RM2.80 sesaham
Pendapatan	RM500 sebulan	Dividen 9 % setahun

(i) Hitung jumlah pendapatan semasa Afif. [5 markah]

(ii) Afif bercadang membeli sebidang tanah yang bernilai RM200 000 dengan menjual satu pelaburan yang ada untuk menampung kos pembelian.

Apakah pelaburan yang perlu dijual oleh Afif?

Beri **empat** alasan.

[5 markah]

- 4 (a) Perbualan di bawah berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran.

Izwani	:	Bilakah awak hendak jelaskan hutang saya sebanyak RM3 000?
Azam	:	Saya tidak membawa tunai. Bolehkah saya bayar menggunakan cek sekarang juga?
Izwani	:	Maaflah. Saya tidak terima cek. Saya hanya terima tunai sahaja.

Jelaskan **lima** sebab Izwani tidak menerima kemudahan pembayaran tersebut.

[5 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik John.

Encik John seorang ketua pegawai eksekutif yang berjaya. Beliau sering meninggalkan keluarga untuk menguruskan perniagaannya. Tugasnya yang memerlukan beliau berada di luar negara, menyebabkan beliau bimbang akan masa hadapan isteri dan anaknya yang masih kecil. Isterinya pula telah menguruskan pembelian tiga polisi insurans kebakaran untuk melindungi rumah Encik John daripada tiga syarikat insurans.

- (i) Terangkan **tiga** jenis polisi insurans yang sesuai dibeli oleh Encik John.

[6 markah]

- (ii) Wajarkah tindakan isteri Encik John?

Beri **dua** alasan.

[3 markah]

- (c) Perbualan di bawah adalah antara Puan Alia, pemilik syarikat dengan Encik Shah, pengurus operasi sebuah syarikat di Pasir Gudang, Johor berkaitan dengan jenis pengangkutan.

Encik Shah	:	Puan Alia, kita sudah mula mendapat tempahan daripada pengedar di Kelantan.
Puan Alia	:	Berapa banyakkah tempahan yang kita terima, Encik Shah?
Encik Shah	:	Setakat ini 200 000 unit untuk jubin dan 100 000 unit untuk batu marmar. Saya jangkakan tempahan akan bertambah bulan hadapan.
Puan Alia	:	Kalau begitu kita perlu uruskan penghantaran secepat mungkin.
Encik Shah	:	Baiklah Puan Alia tetapi kita perlu bincangkan sama ada menggunakan lori atau kereta api.

Pada pendapat anda, apakah jenis pengangkutan yang sesuai digunakan oleh syarikat tersebut?

Beri **empat** alasan.

[5 markah]

- (d) Terangkan **tiga** peranan komunikasi kepada peniaga.

[6 markah]

- 5 (a) Syarikat Mac-Q menghadapi masalah kewangan untuk memasarkan 20 buah kereta mewah import yang baru tiba di Pelabuhan Klang. Justeru itu, kereta tersebut perlu disimpan di dalam gudang sebelum dijual.

Nyatakan jenis gudang yang sesuai digunakan oleh Syarikat Mac-Q.
Kemukakan **lima** alasan. [6 markah]

- (b) Perbualan di bawah berkaitan dengan program promosi di sebuah syarikat pengeluar barangan pengguna.

<p>Pengurus Kewangan : Saya rasa, untuk menjimatkan perbelanjaan syarikat, kita hentikan saja program promosi kerana produk kita sudah lama terkenal di pasaran. Belanja promosi mahal. Jadi kita boleh berjimat sedikit.</p> <p>Pengurus Pemasaran : Oh... tidak boleh! Kita mesti teruskan program promosi tersebut.</p>
--

Adakah anda bersetuju dengan pendapat Pengurus Pemasaran?

Beri **empat** alasan. (5 markah)

- (c) Terangkan **tiga** agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyediakan infrastruktur dan kemudahan tempat berniaga kepada peniaga. [6 markah]

- (d) Situasi di bawah berkaitan dengan tanggungjawab pengeluar terhadap pengguna.

Cik Maria terpaksa menanggung kos keseluruhan rawatan berjumlah RM6 000 apabila krim pencerah kulit muka yang digunakannya telah menyebabkan kulit mukanya gatal, mengelupas dan meninggalkan kesan parut. Beliau telah menuntut ganti rugi daripada pengeluar produk tersebut tetapi pihak pengeluar enggan bertanggungjawab atas kejadian tersebut. Cik Maria sedang mempertimbangkan sama ada mahu membawa kesnya ke Mahkamah Tuntutan Kecil atau Tribunal Tuntutan Pengguna.

- (i) Jelaskan **empat** tanggungjawab yang telah diabaikan oleh pengeluar produk tersebut. [4 markah]
- (ii) Di manakah Cik Maria perlu membawa kesnya? Kemukakan **tiga** alasan. [4 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

- 6 Encik Affiq, pemilik La C2 Enterprise telah menjalankan perniagaan makanan ringan semenjak tahun 2000. Beliau menggunakan lori untuk membeli makanan ringan daripada pengeluar secara pukal dan membayar dengan tunai. Beliau juga menggaji beberapa orang pekerja untuk melakukan aktiviti pecah pukal sebelum menjualnya kepada peruncit di sekitar Lembah Kelang. Persaingan sengit daripada peruncit besar-besaran menyebabkan keuntungan La C2 Enterprise semakin berkurangan walaupun beliau sudah mengiklankan perniagaannya melalui media cetak. Aliran tunai yang rendah dan kos operasi yang tinggi menyebabkan Encik Affiq menjual La C2 Enterprise.

Hasil daripada jualan La C2 Enterprise, Encik Affiq mengambil alih sebuah pasar raya Lameria Mart yang popular di Bandar Baru Bangi, Selangor. Perniagaan ini menjual pelbagai keperluan harian kepada penduduk. Namun begitu, pihak pengurusan yang sedang menambah baik keadaan di bahagian penyimpanan mendapati terdapat stok yang hampir tamat tempoh masih disimpan di situ. Oleh itu, Lameria Mart berhasrat untuk mengadakan jualan penghabisan stok. Strategi ini juga dilihat dapat mengekalkan kesetiaan pelanggan sedia ada.

Usaha yang giat di samping promosi yang meluas telah menyebabkan keuntungan perniagaan meningkat dan menyebabkan Lameria Mart menggaji lebih ramai pekerja dengan melantik pekerja sedia ada menjadi ketua di bahagian pentadbiran, bahagian operasi dan bahagian kewangan. Jumlah kutipan tunai yang meningkat sebanyak 50 % semasa waktu malam dan hujung minggu mendedahkan Lameria Mart kepada kecurian. Sebelum ini, gaji pekerja dibayar secara tunai. Namun begitu, bilangan pekerja yang semakin ramai menyukarkan bahagian kewangan dalam menguruskan pembayaran gaji. Pengurus kewangan bercadang menukarkan cara pembayaran gaji dan menguruskan tunai dengan lebih efisien dan selamat. Encik Affiq bersetuju dengan cadangan itu di samping menyarankan agar cara pembayaran bil-bil dan hutang pembekal juga diberi perhatian sewajarnya agar tidak berlaku kelewatan seperti sebelum ini. Pengurus Kewangan segera mendapatkan pihak bank untuk berbincang berkenaan masalah tersebut.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) (i) Apakah jenis perniagaan dalam negeri yang dijalankan oleh La C2 Enterprise?
[1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** fungsi La C2 Enterprise kepada pengeluar. [6 markah]
- (b) Beri **tiga** sebab lain yang menyebabkan Encik Affiq menjual La C2 Enterprise.
[3 markah]
- (c) Jelaskan **lima** kelebihan yang diperoleh Encik Affiq apabila beliau memilih cara memulakan perniagaan Lameria Mart. [5 markah]
- (d) Wajarkah Lameria Mart mengadakan jualan tersebut?
Beri **tiga** alasan. [4 markah]
- (e) Terangkan **tiga** jenis perkhidmatan bank yang boleh dicadangkan kepada Lameria Mart. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT